

MAHATHIR

1976

201

KUALA LUMPUR, 23 DIS. (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENGAMBIL ALIH 10 BUAH SEKOLAH AGAMA DARI KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MULAI BULAN DEPAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI.

SEKOLAH-SEKOLAH ITU IALAH DUA BUAH DI MELAKA, DUA DI KELANTAN, DAN SEBUAH DARI TIAP-TIAP NEGERI, PERLIS, PULAU PINANG, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, JOHOR DAN TRENGGANU.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, BERUCAP KETIKA MENERIMA CEK BERJUMLAH \$52,316.99 DARI KUASA USAHA KEDUTAAN ARAB SAUDI KE MALAYSIA, DATUK MOHAMED Y. TRABOULSI, DI PEJABATNYA DI RUMAH PERSEKUTUAN. WANG TERSEBUT ADALAH UNTUK MELENGKAPKAN MAKMAL BAHASA KOLEJ ISLAM DI KELANG.

DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIAN PELAJARAN JUGA AKAN MENUBUHKAN DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH AGAMA, SATU DI SABAH DAN SATU LAGI DI SARAWAK, MULAI BULAN DEPAN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA TUJUAN KEMENTERIAN MENGAMBIL ALIH SEKOLAH-SEKOLAH ITU BUKAN UNTUK MENGUASAINYA. -- BERSAMBUNG 1303/SZ

DD 32

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

LANGKAH ITU SEBENARNYA IALAH BAGI MEMBOLEHKAN KEMENTERIAN MEMBERI PERKHIDMATAN YANG LEBIH BERKESAN DALAM MENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH ITU UNTUK MENINGGIKAN LAGI MUTU PENGAJIAN AGAMA ISLAM DAN BAHASA ARAB, TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR BERKATA PENGALAMAN KEMENTERIAN DALAM MENGURUSKAN KOLEJ ISLAM AKAN DIGUNAKAN UNTUK MEMAJUKAN PENGURUSAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA YANG DIAMBIL ALIH OLEH KEMENTERIAN.

KEMENTERIAN JUGA TELAH SETUJU MENUBUHKAN SEBUAH JAWATANKUASA BAGI MENYUSUN SEMULA SUKATAN BAHASA ARAB UNTUK SRP DAN SPM.

LANGKAH INI BERTUJUAN MENINGKATKAN LAGI PENGUASAAN BAHASA ARAB.

DR. MAHATHIR BERKATA JAWATANKUASA ITU AKAN MENGANDUNGI WAKIL-WAKIL DARI KEMENTERIAN, UNIVERSITI MALAYA DAN UNIVERSITI KEBANGSAAN. -- BERNAMA 1305/SZ